

Amirudin sebelum ini dipetik memaklumkan kerajaan Selangor akan bertindak merampas tanah para petani yang masih degil melakukan pembakaran terbuka di negeri ini yang dilihat semakin berleluasa dari tahun ke tahun.

"Sebarang maklumat berkaitan pembakaran terbuka boleh disalurkan dengan menghubungi JAS di talian bebas tol 1-800-88-2727 atau Ibupejabat JAS Malaysia di talian 03-8871 2000 atau menghubungi Bilik Kawalan JAS Selangor di talian 03-55197233," tegas beliau.

Dalam perkembangan lain, Loy Sian menjelaskan kerajaan negeri melalui Jabatan Meteorologi negeri akan meningkatkan kekerapan Operasi Pembenihan Awan (OPA) di kawasan-kawasan yang terjejas dengan jerebu yang mempunyai bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi 150.

"Pengedaran penutup muka juga akan disalurkan kepada kepada masyarakat setempat yang berisiko terdedah kepada kesan jerebu di kawasan yang mencatatkan bacaan IPU melebihi 150.

"Kita juga akan mengadakan perbincangan untuk menyelaraskan keputusan bagi penutupan sekolah-sekolah di seluruh Negeri Selangor ketika musim jerebu," katanya. - K! ONLINE